



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**FAKTOR-FAKTOR PERIBADI DAN KELUARGA YANG BERKAITAN
DENGAN KONSEP KENDIRI PELAJAR REMAJA DARIPADA
KELUARGA BERCERAI: SATU KAJIAN KES**

NORHAYATI BINTI SUAIDI

FPP 1994 1

**FAKTOR-FAKTOR PERIBADI DAN KELUARGA YANG BERKAITAN
DENGAN KONSEP KENDIRI PELAJAR REMAJA DARIPADA
KELUARGA BERCERAI: SATU KAJIAN KES**

OLEH

NORHAYATI BINTI SUAIDI

**Tesis Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat-syarat Untuk Mendapatkan Ijazah Master Sains
Di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Pertanian Malaysia**

MEI 1994



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan izin dan rahmatNya kajian ini dapat dihasilkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga dirakamkan kepada Dr. Mizan Adiliah Bt. Ahmad Ibrahim selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan yang telah banyak memberi tunjuk ajar, panduan dan kritikan yang membina sepanjang kajian ini dijalankan.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Profesor Madya Dr. Kamariah Bt. Abu Bakar dan Tuan Hj. Ali B. Ya'cob selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan yang tidak kurang memberi bimbingan dan kritikan yang sewajarnya sehingga siapnya penulisan tesis ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Dato' Profesor Amir B. Awang dari U.S.M selaku pemeriksa luar tesis ini.

Ucapan yang sama juga ditujukan kepada Universiti Pertanian Malaysia kerana memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Master dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling, khususnya kepada Dekan, Timbalan Dekan, para pensyarah dan kakitangan umum di Fakulti Pengajian Pendidikan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Mahkamah



Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerana membenarkan saya mengkaji data-data perceraian pada tahun 1991.

Terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Pejabat-pejabat Pendidikan Daerah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Pahang yang telah membenarkan saya menjalankan kajian di sekolah-sekolah yang terlibat.

Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Syarikat Suhusia Sarawak, terutama Pengurusnya Encik Othman B. Hj. Suaidi kerana telah membiayai pengajian saya selama dua tahun di UPM.

Saya juga ingin merakamkan rasa terhutang budi dan terima kasih kepada pihak yang banyak membantu saya, terutamanya Dr. Noran Fauziah Bt. Yaakub dari UPM, Dr. Fatimah Bt. Arshad dari UKM, saudari Hendon Ahmad dari Talian Kaunseling SAHABAT, JAIS, En. Mohd. Zul dari Pusat Komputer, UPM, saudari Fazlon Bt. Yusuf dari Unit Pengajian Siswazah, UPM, rakan-rakan kaunselor di Unit Kerjaya dan Kaunseling, ITM, Shah Alam dan semua rakan-rakan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penulisan tesis ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada bapa, emak, abang-abang, kakak-kakak dan adik yang banyak memberi semangat, dorongan dan bantuan kepada saya untuk menyiapkan tesis ini.



KANDUNGAN

	Halaman
PENGIIARGAAN.....	ii
SENARAI JADUAL.....	vii
SENARAI RAJAH.....	ix
SENARAI SINGKATAN.....	x
ABSTRAK.....	xi
ABSTRACT.....	xiii
 BAB	
I PENDAHULUAN	
Pengenalan.....	1
Latar Belakang Kajian.....	7
Pernyataan Masalah.....	10
Objektif Kajian	
Objektif Umum.....	11
Objektif Khusus.....	12
Soalan Kajian.....	13
Hipotesis Kajian.....	14
Definisi Operasional.....	16
Signifikan Kajian.....	19
Batasan Kajian.....	21
 II SOROTAN LITERATUR	
Definisi Konsep Kendiri.....	23
Faktor Yang Menyebabkan Konsep Kendiri Positif.....	24



Faktor Yang Menyebabkan Konsep Kendiri Negatif.....	25
Pendekatan Teori.....	26
Teori Humanistik Rogers.....	27
Teori Humanistik Maslow.....	30
Teori Perkembangan Havighurst.....	34
Penceraian, Faktor Penyebab Dan Kesannya Kepada Keluarga.....	38
Masalah Pelajar Daripada Keluarga Bercerai.....	43
Konsep Kendiri Pelajar Daripada Keluarga Bercerai.....	49
Hubungan Kekeluargaan Dan Kesannya Kepada Pelajar.....	53

III METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Penyelidikan.....	61
Kerangka Konseptual.....	61
Pembolehubah Kajian.....	64
Lokasi Kajian.....	66
Subjck Kajian.....	67
Instrumentasi.....	70
Prosedur Mendapatkan Data.....	76
Pemprosesan Dan Analisis Data.....	78

IV KEPUTUSAN KAJIAN

Keputusan Dagi Soalan Kajian.....	80
Keputusan Pengujian Hipotesis.....	97

V PERBINCANGAN

Profil Pelajar	117
Konsep Kendiri Pelajar.....	118
Masalah Pelajar.....	119
Hubungan Kekeluargaan.....	121
Konsep Kendiri Dan Faktor Peribadi.....	121
Konsep Kendiri Dan Faktor Keluarga.....	123
Faktor Peribadi Dan Faktor Keluarga.....	125

VI PENUTUP

Kesimpulan.....	132
Implikasi Kajian.....	134
Saranan Kajian.....	136
Cadangan Untuk Kajian Lanjutan.....	142

BIBLIOGRAFI.....	144
-------------------------	------------

LAMPIRAN

A - Sekolah-Sekolah Yang Terlibat Dalam Kajian.....	149
B - Soal Selidik Penyelidikan.....	151
C - Surat-Surat Kebenaran.....	166
D - Peta Lokasi Kajian.....	172

VITA.....	173
------------------	------------

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1. Bilangan Pelajar Mengikut Sekolah.....	68
2. Taburan Pelajar Berdasarkan Tempat Tinggal.....	81
3. Taburan Pelajar Berdasarkan Tempoh Tempat Tinggal.....	82
4. Taburan Ibu Bapa Pelajar Berdasarkan Tahap Pendidikan.....	83
5. Senarai Pekerjaan Ibu Bapa Pelajar.....	84
6. Min, Sisihan Piawai, Skor Maksimum Dan Skor Minimum Mengikut 9 Faktor Kendiri.....	87
7. Jenis Dan Tahap Masalah Peribadi Di Kalangan Pelajar Lelaki.....	93
8. Jenis Dan Tahap Masalah Peribadi Di Kalangan Pelajar Perempuan.....	94
9. Jenis Dan Tahap Masalah Keluarga Di Kalangan Pelajar Lelaki.....	95
10. Jenis Dan Tahap Masalah Keluarga Di Kalangan Pelajar Perempuan.....	96
11. Perkaitan Konsep Kendiri Dan Masalah Peribadi.....	98
12. Perbezaan Konsep Kendiri Antara Pelajar Lelaki Dan Perempuan Dalam Setiap Faktor Kendiri.....	100
13. Taburan Konsep Kendiri Pelajar Berdasarkan..... Tempat Tinggal.....	101
14. ANOVA Bagi Konsep Kendiri Dan Tempat Tinggal.....	103
15. Perkaitan Konsep Kendiri Dan Masalah Keluarga.....	105
16. Perkaitan Konsep Kendiri Dan Hubungan Kekeluargaan.....	107
17. Taburan Konsep Kendiri Pelajar Berdasarkan SES.....	108

18.	ANOVA Bagi Konsep Kendiri Dan Status Sosioekonomi.....	109
19	ANOVA Bagi Masalah Peribadi Dan SES Keluarga.....	111
20.	ANOVA Bagi Masalah Keluarga Berdasarkan Tempat Tinggal.....	114
21.	ANOVA Bagi Tempat Tinggal Dan Hubungan Kekeluargaan.....	116



SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1. Peringkat Perkembangan Konflik.....	5
2. Kadar Perkahwinan dan Perceraian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1981 - 1991).....	8
3. Pandangan Humanistik Terhadap Personaliti Manusia.....	28
4. Hierarki Kehendak Maslow.....	32
5. Kerangka Konseptual.....	63
6. Bentuk Konsep Kendiri.....	86
7. Bentuk Hubungan Kekeluargaan.....	89
8. Tahap Masalah Peribadi.....	91
9. Tahap Masalah Keluarga.....	92



SENARAI SINGKATAN

SES	- Status Sosioekonomi
CGPA	- Himpunan Purata Nilai Mata
JAWI	- Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
K.L	- Kuala Lumpur
Sek.	- Sekolah
Ren.	- Rendah
Men.	- Menengah

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan
Ijazah Master Sains

**FAKTOR-FAKTOR PERIBADI DAN KELUARGA YANG BERKAITAN
DENGAN KONSEP KENDIRI PELAJAR REMAJA DARIPADA
KELUARGA BERCERAI : SATU KAJIAN KES**

Oleh

NORHAYATI BINTI SUAIDI

MEI 1994

Pengerusi: Mizan Adiliah Bt. Ahmad Ibrahim, Ph.D

Fakulti: Pengajian Pendidikan

Tujuan utama kajian ini ialah untuk menentukan perkaitan konsep sendiri dengan masalah peribadi, masalah keluarga dan hubungan kekeluargaan pelajar remaja daripada keluarga bercerai. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan dalam konsep sendiri pelajar berdasarkan jantina, tempat tinggal dan status sosioekonomi keluarga.

Subjek kajian terdiri daripada 130 orang remaja daripada keluarga bercerai. Mereka telah dikenalpasti daripada biodata ibu bapa mereka yang berdaftar di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Mereka sedang belajar di sekolah rendah dan menengah kerajaan di Kuala Lumpur, Selangor dan Pahang.

Satu set soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang profil pelajar, mereka peribadi, masalah keluarga dan hubungan kekeluargaan dalam keluarga mereka. Alat ujian "Skala Konsep Kendiri



Tennessee” telah digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang konsep sendiri pelajar, “Senarai Semak Masalah Mooney” telah digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang masalah pelajar dan “Skala Keluarga” telah digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang hubungan kekeluargaan

Data dianalisis dengan menggunakan analisis univariat, bivariat dan multivariat. Teknik deskriptif dan analatikal digunakan untuk tujuan tersebut.

Hasil kajian menunjukkan faktor-faktor seperti masalah peribadi, masalah keluarga dan hubungan kekeluargaan mempunyai perkaitan dengan konsep sendiri remaja. Kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan konsep sendiri di kalangan pelajar yang berlainan tempat tinggal dan di kalangan pelajar daripada kumpulan status sosioekonomi yang berbeza. Seterusnya kajian menunjukkan pelajar lelaki mempunyai konsep sendiri yang lebih tinggi daripada pelajar perempuan. Walaubagaimanapun, perbezaan konsep sendiri antara jantina yang berbeza ini adalah tidak signifikan.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia as partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science

**THE PERSONAL AND FAMILY FACTORS THAT ARE CORELATED WITH
ADOLESCENTS STUDENTS FROM DIVORCED FAMILY'S
SELF-CONCEPT : A CASE STUDY**

By

NORHAYATI BINTI SUAIDI

MEI 1994

Chairperson: Mizan Adiliah Bt. Ahmad Ibrahim, Ph.D

Faculty: Faculty of Educational Studies

This study focuses on finding the correlation between the self-concept and personal problems, family problems and the family relationship among adolescents from divorced families. The study also aimed at observing the differences in adolescents self-concept based on gender, residence and socio economic status of their families.

The subjects consisted of 130 adolescents from the divorced families. They are known from their parents biodata at the Syariah Court, Federal Territory Kuala Lumpur. They studied at the government primary dan secondary schools in Kuala Lumpur, Selangor and Pahang.

A set of questionnaires were used to obtain information on the students profiles, their personal problems, their family problems and their family relationship. The "Tennessee Self-Concept Scale" are used to obtain informations on students's self-concept, "Mooney Problem Checklist" are used to obtain



informations on students's problems dan The "Family Scale" are used to obtain information on family relationship."

The data are analysed by means of the univariant, bivariant and multi-variant analysis. Descriptive and analitical techniques were used for such purposes.

The findings of the study showed that factors, such as personal problems, family problems and family relationships had a corelation with adolescents self-concept. The study also showed that there were differences in self-concept among adolescents from difference places of residence dan from difference sosio economic status groups. Subsequently, the study showed that male adolescents possessed higher self-concept than the female. However, the difference between genders are not significant.



BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Wawasan 2020 yang bermatlamat menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020 merupakan satu cita-cita dinamik yang kejayaannya banyak bergantung kepada kesejahteraan dan kekuatan rakyat dari segi mental, fizikal, spiritual dan intelektual. Sebuah negara maju hanya dapat ditegakkan melalui sokongan dan dorongan daripada unit keluarga. Kualiti pembangunan negara itu pula banyak bergantung kepada tahap produktiviti unit-unit keluarga yang membentuk negara tersebut. Justeru itu, kekayaan, kemajuan dan kesejahteraan negara lahir daripada kekuatan dalaman yang berteraskan keilmuan yang tinggi, akhlak yang mulia dan keluarga yang sejahtera. Selaras dengan wawasan tersebut, langkah kerajaan Malaysia melancarkan program 'Rumahku Syurgaku' serta 'Masyarakat Penyayang' baru-baru ini memang tepat pada masanya.

Institusi keluarga yang dibina melalui ikatan perkahwinan mempunyai matlamat untuk melahirkan kasih sayang antara suami isteri dan anak-anak yang dilahirkan. Dalam sebuah keluarga, ibu bapa memainkan peranan penting untuk menjaga kestabilan dan keharmonian rumah tangga. Bahkan mereka telah diamanahkan oleh Tuhan dengan tugas dan tanggungjawab masing-masing untuk melahirkan, memelihara, mendidik dan memimpin anak-anak yang bakal menjadi generasi yang akan memimpin agama, bangsa dan negara (Nik Aziz, 1991).

Aspek persekitaran keluarga juga ditekankan oleh Sharifah Alwiyah (1987). Menurut beliau, keadaan persekitaran keluarga memberi kesan kepada perkembangan personaliti anak-anak. Anak-anak yang dibesarkan dalam keluarga yang sering bertengkar, bergaduh, berpisah dan bercerai akan mengalami tekanan dan emosi yang tidak stabil serta perkembangan personaliti yang negatif. Anak-anak yang dibesarkan dalam suasana aman, mesra dan bahagia akan menunjukkan personaliti yang positif. Oleh yang demikian, ibu bapa perlu memberi perhatian kepada didikan anak-anak dan situasi rumah tangga untuk menjamin perkembangan personaliti dan konsep sendiri anak-anak yang sihat dan positif.

Pengaruh persekitaran keluarga kepada anak-anak telah digambarkan oleh Dorothy Nolte dalam Ahmad Roslani (1992) dalam kata-katanya seperti di bawah :

*Jika anak dibesarkan dalam toleransi,
dia belajar menjadi sabar.*

*Jika anak dibesarkan dalam galakan,
dia belajar mempunyai keyakinan.*

*Jika anak dibesarkan dalam pujian,
dia belajar menghargai.*

*Jika anak dibesarkan dalam saksama,
dia belajar keadilan.*

*Jika anak dibesarkan dalam rasa selamat,
dia belajar kepercayaan.*

Jika anak dibesarkan dalam persetujuan,

dia belajar menyukai dirinya.

Jika anak dibesarkan dalam penerimaan persahabatan,

dia belajar mencari kemesraan dan kasih sayang di dunia ini.

Sumber: Ahmad Roslani (1992), muka surat 1

Walau bagaimanapun, Mahmood Nazar (1990) menyatakan bahawa manusia tidak dapat lari daripada masalah hidup. Mereka menghadapi berbagai bentuk masalah yang pada amnya dikenali sebagai tekanan hidup. Ini bertepatan dengan firman Allah yang kira-kira bermaksud:

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia itu berada dalam susah payah. Al-Balad : 4 (Al-Quran dan Terjemahan, 1977)

Namun begitu, Allah s.w.t telah menegaskan bahawa manusia berkemampuan untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah dan kesulitan yang dialaminya dengan akal dan kekuatan yang telah diberikan olehNya. Ini ditekankan dalam firmanNya yang kira-kira bermaksud :

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia itu dalam sebaik-baik kejadian. At-Tin : 4 (Al-Quran, Terjemahan Soenarjo 1977)


Begitu juga rumah tangga, tidak terlepas daripada masalah dan kesulitan. Walau bagaimanapun, perkahwinan akan kekal bahagia sekiranya suami dan

isteri benar-benar memahami konsep perkahwinan dan berupaya memahami dan menyelesaikan masalah dan krisis-krisis yang timbul dalam perhubungan antara keduanya (Jaafar Siddiq, 1975).

Menurut Wan Halim (1990) pula, masalah dalam keluarga adalah berpunca daripada isu-isu kecil yang tidak dipersetujui hingga menimbulkan konflik. Konflik pula apabila dibiarkan berlarutan dan tidak diselesaikan, akan menimbulkan pertengkaran, pertelingkahan dan perdebatan yang dikenali sebagai krisis keluarga. Apabila krisis sudah tidak dapat dibendung lagi, perceraian sering diambil sebagai jalan penyelesaian. Keadaan ini dapat dilihat dalam rajah 1.

Perselisihan keluarga dan perceraian menimbulkan pelbagai masalah kepada anak-anak terutama pelajar dan ia memberi kesan negatif kepada konsep sendiri mereka. Banyak kajian telah dijalankan sama ada di barat mahupun di Malaysia untuk mengenalpasti kesan perceraian ke atas pelajar. Antaranya, kajian oleh Hett (1980 dan 1983), Francke (1983), Nordin (1986) dan Saboo (1988). Hasil kajian menunjukkan keadaan di atas berlaku.

Sabariah Baharum (1989) dalam kajiannya tentang perceraian di daerah Tawau Sabah, melaporkan bahawa perceraian mendatangkan kesan psikologi, sosial dan ekonomi kepada semua pihak yang terlibat. Kesan psikologi dialami oleh bekas suami, bekas isteri dan juga anak-anak. ((Dari sudut sosial, perhubungan antara kedua keluarga suami dan isteri menjadi renggang dan ada kalanya mereka bermusuhan. Di samping itu, suami dan isteri juga sering mendapat cemuhan masyarakat. Dari sudut ekonomi pula, selalunya isteri



Rajah 1
Peringkat Perkembangan Konflik
Sumber : Wan Halim (1990) m.s 9

terpaksa menanggung beban menjaga dan membesarkan anak-anak yang selalunya dalam jagaan isteri. Sering kedapatan suami yang tidak memberi nafkah kepada anak-anaknya setelah bercerai.

Nye dan rakan (1970) dalam kajian mereka terhadap hubungan dan tekanan dalam keluarga mendapati remaja yang ibu bapa bercerai sering menghadapi tekanan mental dan konflik jiwa akibat tingkah laku bapa mereka yang luar biasa seperti pemabuk, pembengis dan mengadakan hubungan sulit dengan pelacur atau teman sekerja. Untuk menghilangkan ketegangan di rumah, mereka lebih suka melakukan aktiviti luar seperti bersukan, menonton dan berpelesenan bersama rakan daripada duduk di rumah.

Remaja yang datang daripada rumah tangga yang runtuh disebabkan perpisahan dan perceraian ibu bapa ataupun kematian salah seorang daripada keduanya juga mempunyai konsep sendiri yang rendah. Mereka lemah dari segi kawalan diri, hubungan sosial dan penampilan diri berbanding dengan remaja daripada keluarga intak (Koziey, 1982). Menurut beliau lagi, ibu bapa yang telah bercerai dan memelihara anak secara bersendirian mempunyai sikap yang negatif terhadap didikan anak-anak. Mereka mengabaikan tanggungjawab tersebut dan ini telah menyebabkan hubungan anak dengan ibu bapa menjadi renggang dan persepsi anak-anak terhadap ibu bapa mereka juga negatif.

Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa keretakan rumah tangga dan perceraian ibu bapa memberi kesan kepada tingkah laku dan sahsiah anak-anak. Anak-anak yang dibesarkan dalam suasana harmoni dan kasih sayang, akan melahirkan personaliti yang baik. Sementara anak-anak yang


dibesarkan dalam keluarga yang kucar kacir dan bercerai, cenderung untuk membentuk sikap dan personaliti yang tidak baik.

Latar Belakang Kajian

Perceraian bukanlah perkara baru. Dalam masyarakat Islam misalnya, perceraian telah berlaku sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi. Hingga pertengahan tahun 1980an, keadaan perceraian di bandar-bandar besar termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sangat membimbangkan. Ini dikaitkan dengan zaman meleset yang melanda negara kita ketika itu. Isteri minta cerai apabila suami dibuang kerja atau perniagaan merosot. Golongan ahli perniagaan dan pekerja swasta paling ramai bercerai ketika itu.

Walaupun kadar perceraian di Kuala Lumpur menurun pada akhir tahun 1980an hingga 1991, Kuala Lumpur masih lagi merupakan bandar yang mempunyai kadar perceraian yang tinggi di Malaysia (Rajah 2). Penurunan kadar perceraian ini berkemungkinan disebabkan program-program yang diadakan oleh JAWI sejak tiga tahun yang lepas. Antaranya, kursus bimbingan keluarga bahagia, bimbingan perkahwinan dan temuduga bagi pasangan yang akan melangsungkan perkahwinan.

Perceraian dan permasalahan keluarga sering dikaitkan dengan gejala sosial dan delinkuen di kalangan remaja. Di Kuala Lumpur, penagihan dadah meningkat seramai 2,094 orang dalam masa sembilan bulan pada tahun 1992. Sebahagian besar daripada penagih ini adalah pemuda yang berumur antara 15.



■ NIKAH ▨ CERAI

Rajah 2 : Kadar Perkahwinan dan Perceraian di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur (1981 - 1991)

Sumber : JAWI Kuala Lumpur

hingga 30 tahun. Kuala Lumpur juga merupakan negeri kedua tinggi kadar penagihan selepas Perak Darul Ridzwan.

Bahagian Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan juga melaporkan kadar pelanggaran disiplin yang tinggi di sekolah-sekolah di sekitar bandar Kuala Lumpur. Kes-kes disiplin berat yang dilaporkan adalah peras ugut menggunakan senjata tajam, memukul pengawas dan guru, berjudi, terlibat dengan dadah, menghidu gam dan cubaan membunuh diri. Antara sekolah yang dilaporkan mempunyai kes-kes disiplin yang berat ialah Sekolah Teknik, Sekolah Menengah Datuk Lokman dan Sekolah Menengah Sri Pantai (Taha Yaacof, 1992).

Sebagai masalah sosial, permasalahan remaja rosak akhlak yang sering dikaitkan dengan permasalahan dalam keluarga dan perceraian, belum mendapat cara penyelesaian yang terbaik. Usaha dan langkah perlu dicari untuk mencegah dan mengawal masalah ini daripada terus meningkat dan memulihkan mereka yang terlibat.

Ini bersesuaian dengan saranan konsep 'Gerakan Keluarga Bahagia' 1990 yang menyatakan:

Memandangkan masalah yang dihadapi oleh keluarga masa kini, langkah dan usaha positif harus diambil untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang betapa pentingnya ikatan kekeluargaan dan fungsi keluarga dalam menentukan kesejahteraan mental dan fizikal seseorang individu.

Sumber: Mahathir Mohamad (1990)

Pernyataan Masalah

Masalah remaja di Malaysia semakin membimbangkan. Bilangan remaja yang dihadapkan ke Mahkamah Juvenil meningkat daripada 3156 orang pada tahun 1980 kepada 3972 pada tahun 1990. Sekolah-sekolah melaporkan peningkatan pelanggaran disiplin pada setiap tahun. Kategori pelanggaran juga dilaporkan semakin berat. Antara punca kerosakan akhlak remaja ini ialah keluarga yang tidak harmonis dan yang bercerai (Taha Yaacof, 1992).

Bilangan orang yang hilang atau lari dari rumah juga meningkat daripada seramai 3179 pada tahun 1990 kepada 4442 pada tahun 1992. Daripada jumlah tersebut 65.8 peratus adalah remaja. Sebahagian besar daripada yang lari dari rumah adalah kerana masalah keluarga. Perselisihan faham dengan ibu bapa, kurang perhatian dan kasih sayang serta tekanan daripada ibu atau bapa tiri menyebabkan mereka berbuat demikian.

Delinkuen remaja menggambarkan ketidakupayaan mereka mengatasi masalah atau tekanan yang dihadapi. Tekanan-tekanan tersebut ialah tekanan persekitaran seperti tekanan sosial, psikologikal, ekonomi dan keluarga yang mempengaruhi pandangan tentang diri yang negatif dan tingkah laku yang tidak diterima (Taha Yaacof, 1992).

Di atas adalah beberapa kenyataan yang mengaitkan remaja dan unit keluarga. Berdasarkan kenyataan ini, kemungkinan terdapat perkaitan antara permasalahan keluarga dengan pandangan tentang diri atau konsep sendiri